

**PERBANDINGAN ANTARA PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN
TERHADAP PEMBUANGAN SAMPAH DALAM KALANGAN PENDUDUK
APARTMEN CITRATAMAN KAJANG UTAMA SELANGOR**

ABSTRAK

Permasalahan sampah menjadi semakin buruk ekoran sikap dan amalan penduduk yang masih rendah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan penduduk Apartmen Citra, Taman Kajang Utama, Selangor terhadap isu pembuangan sampah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian rentas dan menggunakan kaedah persampelan rawak sistematik. Soal selidik yang digunakan diambil daripada pelbagai kajian dan ujian pra-uji juga telah dilakukan. Daripada 212 responden, seramai 32.1% adalah lelaki dan 76.9% adalah kaum Melayu dan 75.0% responden adalah penyewa. Analisa kajian mendapati terdapat perbezaan purata yang signifikan ($P < 0.05$) dari segi pengetahuan di Citra 1,2,3 (1.49) dengan Citra 4,5,6 (1.67). Manakala, hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($P > 0.05$) dari segi sikap iaitu di Citra 1,2,3 (25.0) dengan 4,5,6 (26.2). Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($P > 0.05$) dari segi amalan iaitu 2.37 di Citra 1,2,3 dan 2.37 di Citra 4,5,6. Ujian khi kuasa dua pula menunjukkan nilai min yang tidak signifikan tahap pengetahuan antara jantina dengan status kediaman ($p > 0.05$). Kesedaran dan pengetahuan komuniti tentang sampah perlu ditingkatkan dan komuniti perlu diberi pendedahan tentang kepentingan dan tanggungjawab mereka untuk mengelak daripada menghadapi masalah kesihatan.